# Tiada lagi kalungan bunga di Tugu Negara sempena Hari Pahlawan

LETENAN JENERAL (B) DATUK ABDULLAH SAMSUDIN
Ampang, Selangor.



*Tugu Negara di Kuala Lumpur lambang perjuangan mempertahankan tanah air. - Gambar Hiasan*

SAYA adalah pegawai Tentera Darat yang berkhidmat di zaman darurat dan rakan yang masih hidup amat sedih melihat satu tradisi perayaan Hari Pahlawan yang penuh perasaan kemanusiaan telah diketepikan. Satu tradisi dihapuskan.

Perayaan Hari Pahlawan tidak lengkap tanpa meletak kalungan bunga di Tugu Negara, Kuala Lumpur seperti di zaman pentadbiran Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Tun Dr. Mahathir.

Tidak ada kehilangan yang lebih besar kepada manusia di dunia ini daripada kehilangan tanah airnya. Mengapa Tugu Negara dibina? Kerana kita telah berjaya mempertahankan tanah air kita dengan perjuangan bersenjata yang mengambil masa yang lama.

Meletak kalungan bunga adalah amalan antarabangsa. Perang Dunia Pertama sudah berlalu hampir 100 tahun. Pada 15 November tiap-tiap tahun, diletak kalungan bunga di tugu-tugu peringatan di merata negara yang terlibat dalam peperangan

*By kind courtesy of Utusan Online*

*Fri 17 Aug 2012*